

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JKP 316 – Pembangunan Politik Malaysia**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih **DUA** soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

**BAHAGIAN A (wajib)**

1. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya:

“Demokrasi ialah sesuatu yang baik dan indah, tetapi ia bukanlah tujuan utama, sejauh mana yang diketahui, dalam pentadbiran negara... Demokrasi hanyalah satu alat, bukan matlamat. Matlamat yang sebenar ialah untuk memberi rakyat kehidupan yang baik, kebahagiaan dan kemajuan negara” (Thaksin Shinawatra, bekas Perdana Menteri Thailand, dipetik dalam *Aliran Monthly*, jil. 26, no. 9, 2006, ms. 22).

Bincangkan sejauh mana pernyataan Thaksin Shinawatra relevan untuk diaplikasikan dalam konteks Malaysia.

(100 markah)

**BAHAGIAN B (jawab dua soalan)**

2. Berdasarkan rekod perlakuan demokratik pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003) dan Abdullah Ahmad Badawi (2003-kini), analisis tuduhan Dr. Mahathir dalam majalah *Time* (6 November 2006) bahawa Abdullah Ahmad Badawi mengamalkan dasar ‘negara polis’ berbanding di zamannya.

(100 markah)

3. Bahaskan dakwaan Timbalan Perdana Menteri Najib Tun Razak bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam (*The Sun*, 18 Julai 2007) dengan menyoroti polemik tentang ‘negara Islam’ di Malaysia semenjak era pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad.

(100 markah)

4. Menurut pemerhatian pengkaji-pengkaji ulung seperti Profesor Khoo Kay Kim, Profesor Johan Saravanamuttu dan Profesor Chandra Muzaffar, tahap hubungan kaum di Malaysia telah merosot dengan runcing dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jelaskan faktor-faktor kebangkitan semula politik etnisme dalam era Abdullah Ahmad Badawi. Adakah ini menunjukkan kaedah-kaedah permuafakatan dan kawalan konflik yang digunakan oleh pemerintah untuk mengekang politik perkauman selama ini telah menempuh kegagalan?

(100 markah)

5. Jelaskan secara ringkas dan padat tentang sumbangan, positif mahupun negatif, tiga daripada organisasi berikut dalam perkembangan masyarakat sivil dan demokrasi kontemporari di Malaysia:
- (i) Majlis Peguam (*Bar Council*)
  - (ii) Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH)
  - (iii) Hindu Rights Action Force (HINDRAF)
  - (iv) Kumpulan Artikel 11
  - (v) Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST)

(100 markah)

